

“CABARAN NORMA BARU PENDIDIKAN AGAMA ISLAM DALAM SITUASI PANDEMIK MASA KINI”

*(Ucapan MKH pada Forum di Konvensyen Murabbi Peringkat Nasional
pd 15 Julai 2021 di Putrajaya)*

- A). Cabaran Yang Terpaksa Dihadapi Oleh Sistem Pendidikan Agama Islam Di Bawah Wawasan LEPAI (institusi SAN, SAR, Pondok, Tahfiz Dan KAFA) Dalam Tempoh Pandemik COVID-19 Ini.**
- B). Impak Keatas Pengurusan dan Operasi Institusi Pendidikan Agama Islam, Guru Agama Islam dan Institusi Keluarga.**

MUKADDIMAH

Situasi pandemik COVID 19 amat mencabar sistem pendidikan agama Islam dengan situasi yang tidak normal yang tidak pernah dialami sebelum ini. Masyarakat Islam terpaksa berhadapan dengan:

- a) Perubahan radikal dalam kaedah-kaedah berkomunikasi dan berinteraksi sesama manusia.
- b) Perubahan radikal dalam kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- c) Perubahan radikal dalam peranan para komunikator (sebagai ***Mu`allim, Mudarris, Murabbi, Da`ii, Imam dan Murshid***)

Perubahan-perubahan besar yang mendadak ini menimbulkan banyak masalah baru yang tak terduga di institusi pendidikan agama Islam di Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama Rakyat, Pondok, Tahfiz dan

KAFA. Antara cabaran dan masalah yang dihadapi oleh Institusi Pendidikan Agama Islam ialah:

CABARAN 1:

(Sebahagian besar bahan untuk menjawab Cabaran 1 adalah berdasarkan laporan yang diperolehi daripada negeri-negeri terutamanya berkenaan dengan pelaksanaan PdPR KAFA. Senarionya dianggap sama berlaku di Institusi Pendidikan Agama Islam LEPAI termasuk di bawah KPM.)

Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)

1. Apabila berlakunya pandemik Covid-19 pada tahun 2020, Kerajaan telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Akibatnya ialah semua institusi pendidikan ditutup, termasuk Institusi Pendidikan di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), iaitu Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Institusi Tahfiz dan Pondok, termasuk Kelas-Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).
2. Demi memastikan proses PdP dapat diteruskan agar para pelajar tidak ketinggalan mendapat Pendidikan, maka Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diwujudkan.
3. PdPR ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian.

4. PdPR boleh dilaksanakan sama ada secara dalam talian (online) dan/ atau luar talian (offline) dan/ atau off-site secara terancang dan berstruktur.

5. Dalam melaksanakan PdPR inilah cabaran besar kepada mereka yang guru, ustaz, ustazah, pelajar dan ibu bapa berlaku. Semua cabaran itu timbul tanpa diduga oleh manusia dan tidak pernah dilalui oleh kita masyarakat Islam di Malaysia. Maka sudah tentu pelbagai kesulitan dan dugaan terpaksa dihadapi oleh semua pihak yang terlibat dalam proses ***ta'lim, tadrис, tahfiz, talaqqi, ta'dib, irshad*** dan ***tarbiyah***.

6. Antara isu dan permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan PdPR ini berkaitan dengan:

Tenaga Pengajar/Guru:

- i) Kurang atau ketiadaan kemahiran dan kreativiti mengendalikan pengajaran secara online, apalagi dalam sistem Pondok dan Tahfiz.
- ii) Kesulitan dan keterbatasan komunikasi tenaga pengajar/guru dengan ibu bapa serta murid.
- iii) Berkongsi peranti/gajet dengan ramai anak yang juga mengikuti PdPR.
- iv) Kos penggunaan data yang tinggi terpaksa ditanggung oleh tenaga pengajar/guru dan ibu bapa atau penjaga murid.
- v) Tenaga pengajar/Guru tidak dapat beri komitmen sepenuhnya apabila di rumah kerana tanggung jawab sebagai ibu, mendidik anak-anak untuk PdPR dan penjaga ahli keluarga yang lain.

- vi) Guru/tenaga pengajar tidak tahu bagaimana hendak mengetahui kiranya si murid/pelajar mengalami gejala kemurungan, tekanan, kerisauan atau gangguan-gangguan mental yang merbahaya.
- vii) Guru/ustaz/ustazah/murabbi/murabbiyah yang baik tidak harus menumpukan pengajarannya kepada aspek *aqliyyah* atau kecerdasan intelektual semata-mata, tetapi harus tahu menyuburkan dan memupuk kecerdasan emosi, rohani, kemasyarakatan, dan sifat *insaniyyah*, *rahmaniyyah* dan *rabbaniyyah* dalam peribadi atau syakhsiyah. Tetapi dalam kaedah pembelajaran atas talian atau di rumah, unsur-unsur keperibadian yang syumul dan mutakamil itu tidak dapat di pupuk, dibajai dan disirami oleh guru, pengajar, ustaz dan ustazah yang Rabbani itu.

Murid/Pelajar:

- i).Penglibatan murid atau pelajar kurang menggalakkan
- ii).Murid/pelajar tidak menghadiri kelas sepenuhnya
- iii).Tidak mempunyai tempat pembelajaran yang sesuai di rumah dan suasana yang tidak kondusif di dalam rumah atau di luar bilik.
- iv).Kurang fokus memahami subjek yang diajar oleh guru secara menyeluruh, antara lain disebabkan senangnya membuka media social semasa kelas berjalan, dan guru/ustaz/ustazah tidak tahu.
- v) Pertindihan kerja sekolah agama dengan sekolah kebangsaan

Ibubapa/Penjaga:

- i).Kurang memberikan kerjasama disebabkan tanggungjawab kerja pejabat yang juga dilaksanakan di rumah
- ii).Kurang peka terhadap tugas yang diberikan oleh guru kepada murid/pelajar
- iii).Kurang kemampuan untuk menyediakan peranti / gajet kepada anak bagi tujuan PdPR.
- iv).Bagi ibu bapa yang berkerja di luar, murid/pelajar di rumah bebas untuk tidak beri tumpuan kepada kelas atas talian.

Kesulitan Mengguna Bahan Bantu Mengajar:

- i). Tidak semua guru/pengajar dan murid mempunyai peranti/gajet yang sesuai digunakan semasa pengajaran secara atas talian.
- ii). Perkongsian peranti/gajet di kalangan ahli keluarga yang lain.
- iii). Capaian internet yang tidak menyeluruh dan tidak memuaskan terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- iv). Kekurangan bahan rujukan pembelajaran dalam bentuk yang mudah digunakan atas talian menimbulkan kesulitan kepada guru dan murid.
- v). Banyak juga murid yang tidak membeli buku teks atas sebab kewangan dan hanya menggunakan buku lambaran kerja; ini menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Tempoh Masa Pengajaran

- i) Kesukaran bagi murid untuk memahami subjek yang diajar oleh guru

memerlukan masa pengajaran yang lebih panjang, tetapi masa atas talian tidak mencukupi.

- ii) Masa pengajaran yang sangat terbatas kerana kerisauan pengunaan dan pendedahan kepada internet yang terlalu tinggi.
- iii) Peruntukan masa pada satu-satu topik tidak mencukupi.

Cadangan Penambahbaikan PdPR

Antara cadangan penambahbaikan PdPR ialah:

1. Pehak berkuasa di setiap negeri hendaklah memberi bantuan fasiliti dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) terutamanya alat peranti/ gajet dan plan data kepada guru/ustaz/ustazah untuk memastikan PdPR dapat dilaksanakan secara efisen.
2. Pehak berkuasa di setiap negeri perlu memberi latihan dan pendedahan kemahiran yang bersesuaian kepada guru/ustaz/ustazah terutama mengenai cara-cara atau teknik PdPR agar pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Oleh itu, guru akan dilihat lebih kreatif semasa mengendalikan kelas secara maya serta boleh menarik perhatian murid-murid.
3. Pehak berkuasa di setiap negeri hendaklah menubuahkan jawatan kuasa khusus atau task force bagi menyediakan modul-modul latihan yang boleh diguna pakai oleh semua peringkat terutamanya untuk menghadapi ujian penilaian.

4. Pihak berkuasa di setiap negeri perlu mengadakan mekanisme yang lebih efektif supaya pelaksanaan, pentaksiran, pengukuran dan pemantauan Sekolah Agama/Tahfiz/Pondok KAFA secara dalam talian (maya) berjalan dengan teratur dan berkesan.
5. Penggunaan media TV arus perdana dan TV Pendidikan semasa pandemik perlu ditingkatkan dan ditambahbaiki agar murid/pelajar dapat mengikuti kelas KAFA dan kelas-kelas pendidikan agama Islam yang lain di rumah masing-masing.

CABARAN 2:

(Sebahagian daripada jawapan kepada Cabaran 2 adalah berdasarkan permohonan/rayuan bantuan yang dipohon oleh beberapa institusi Pendidikan Agama Islam yang bukan Kerajaan/swasta bagi tujuan menanggung kos operasi, gaji guru, bayar sewa dan sebagainya.)

Impak Keatas Pengendalian dan Operasi Institusi Pendidikan Agama Islam

1. Institusi Kehilangan Sumber Kewangan

Antara sumber utama kewangan institusi pendidikan Islam terutamanya persendirian/swasta (bukan kerajaan) ialah melalui yuran pelajar. Institusi hilang sumber kewangan sama ada kerana penutupan sekolah atau pun disebabkan kadar kutipan yuran yang berkurangan susulan murid berada di rumah dan pelaksanaan PdPR dilaksanakan secara maya. Kos pengurusan operasi institusi terjejas bagi menampung pembayaran utility (letrik/air dan sebagainya), termasuk gaji guru dan staf. Begitu juga kos sewa, jika premis institusi berkenaan disewa.

2. Guru-Guru Kehilangan Pekerjaan

Kebanyakan guru-guru yang mengajar di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat/Institusi Tahfiz adalah bertaraf sementara. Sekiranya institusi berkenaan ditutup, impaknya guru-guru tidak dapat dibayar gaji dan kehilangan pekerjaan.

3. Institusi Pendidikan Agama Islam Mungkin Gulung Tikar

Ekoran pandemic Covid-19 yang berpanjangan dan masih tidak dapat dipastikan noktah akhirnya, sebahagian institusi pendidikan seperti sekolah agama rakyat/swasta atau pusat-pusat tahfiz yang teruk terjejas tidak dapat lagi untuk meneruskan operasinya sehingga keberangkalian terpaksa ditutup.

Sekiranya tidak ditutup pun, operasinya pasti terjejas kerana memerlukan kos yang banyak bagi pemulihan semula dan memerlukan masa yang lama untuk stabil semula.

Untuk makluman, badan antarabangsa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hal ehwal pendidikan, iaitu UNESCO, dan UNICEF telah mengeluarkan amarannya tentang akibat-akibat buruk akibat tertutupnya sekolah.

Adverse consequences of school closure.

These include:

Interrupted learning: Poor nutrition: Confusion and stress for teachers

- **Parents unprepared for distance and home schooling:..**

- **Challenges creating, maintaining, and improving distance learning:**
- **Gaps in childcare:**
- **High economic costs:**
- **Unintended strain on health-care systems:**
- **Increased pressure on schools and school systems that remain open:**
- **Rise in dropout rates:**
- **Increased exposure to violence and exploitation**
- **Social isolation:**
- **Challenges measuring and validating learning:** (<https://en.unesco.org/covid19/educationresponses/consequences>)

Laporan daripada UNICEF tentang kebimbangan akan berlaku mala petaka terhadap generasi pelajar-pelajar yang tidak dapat bersekolah akibat pandemic COVID 19

Generational catastrophe' risk from Covid-shut schools, warns UN.

Schools remain shut in 19 countries due to the pandemic, affecting 156 million children in what risks being "a generational catastrophe," the heads of two UN agencies warned Monday. The statement from the leaders of Unicef and Unesco, responsible for children's issues and education, said "governments have too often shut down schools and kept them closed for prolonged periods, even when the epidemiological situation didn't warrant it". They advised that "schools should be the last to close and the first to reopen," with the effects of closures ranging from lower educational achievement to mental health problems and increased malnutrition. "We urge decision-makers and governments to prioritise the safe reopening of schools to avoid a generational catastrophe," Unicef leader Henrietta Fore and Unesco chief Audrey Azoulay wrote. "Closing schools mortgages our future for unclear benefits to our present. We must prioritise better. We can reopen schools safely, and we must," they added. (<https://www.freemalaysiatoday.com/category/world/2021/07/12/generational-catastrophe-risk-from-covid-shut-schools-war>, 12 July 2021)

4. Impak Keatas Institusi Keluarga.

Dalam situasi penularan pandemik C19, ibu bapa lah yang terpaksa memainkan peranan yang luar biasa beratnya. Di samping harus berkerja dari rumah, atau mencari rezeki dengan pekerjaan-pekerjaan baru untuk menampung keperluan keluarga, ibu bapa harus menjadi pendidik sepanjang waktu di rumah, sekali gus juga menjadi *murabbi* dan *da'l* kepada anak-anak dan ahli keluarga yang lain.

Bapa yang belum pernah memimpin solat berjama`ah atau mengajar al-Qur'an atau memberi ceramah keagamaan, harus memainkan peranan itu. Di waktu bulan puasa ia harus memimpin solat tarawih untuk keluarga di rumah dan ketika datang Hari Raya Eid al-Fitr atau Eid al-Adhaa, bapa boleh mengadakan solat sunat Hari Raya di rumah masing-masing. Ini memerlukan sifat optimis, berani dan sabar supaya si Ayah boleh memberi khutbah dan memimpin solat Hari Raya dengan baik.

Di samping itu ibu bapa serta golongan generasi lanjut usia perlu memainkan peranan sebagai pencegah penyakit berkaitan Kesehatan mental dan jiwa (***al-amrad al-nafsiyyah***). Mereka harus memantau keadaan dan perlakuan generasi muda untuk mengenali bibit-bibit penyakit mental di kalangan belia dan belianwanis sebelum ia menjadi serius dan memerlukan pertolongan pakar ahli sakit jiwa (***al-tabib al-ruhani***).

Aspek yang sangat penting selepas aspek kesihatan fizikal ialah aspek kesehatan mental dan rohani (*al-sihhah al-'aqliyyah wa al-nafsiyyah*). Pandemik menimbulkan masalah kesihatan mental yang amat

merisaukan dengan wujunya gejala kemurungan (*depression, anxiety, fear*, dan *self-harm tendencies*) yang serius yang boleh membawa kepada gejala membunuh diri sendiri. Dalam hal ini TV dan Internet dan media sosial harus digunakan oleh persatuan-persatuan pendidikan dan dakwah islamiah untuk melakukan outreach kepada anggota masyarakat yang mungkin menjadi mangsa penyakit mental atau jiwa.

Apa yang di lakukan oleh Academy Ibadah-Friendly Hospital dan Hospital Pakar al-Islam pada pagi ini dengan melancarkan Webinar Keperluan Sokongan Spiritual secara percuma menggunakan aplikasi ZOOM, sebagai contoh, amat dialu-alukan dan dipuji, kerana gejala kemurungan dan ketakutan yang serius ini sedang mengancam nyawa generasi muda Islam.

Dengan kata lain, rumah orang Islam telah bertukar menjadi tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, surau dan klinik kecemasan. Dengan demikian kesediaan semua anggota rumah orang Islam untuk menjalankan tugas-tugas baru itu menjadi isu kemasyarakatan yang amat penting masa kini. Tugas-tugas **fardhu kifayah** akhirnya menjadi tugas-tugas **fardhu `ain** dalam rumah.

PENUTUP:

(Sisi2 Positif Daripada Pandemik:)

- a). Rumah terpaksa menjadi sekolah, masjid, klinik dan pusat komuniti Muslim.
- b). Pandemik ini ialah rehearsal uji tubi untuk pandemik-pandemik masa depan, memperkasakan keluarga Muslim sebagai benteng terakhir nilai2 agama, budaya, pendidikan dan ketamadunan islam.

c). Pandemik memutuskan hubungan kemasyarakatan dan kekeluargaan – ***hablun minan-nas*** -- tetapi ia membuka dengan seluas-luasnya hubungan dengan langit, dengan Allah SWT, dengan alam kerohanian dan alam akhirat – ***hablun minAllah***, dan menghidupkan *dhamir* serta hati-hati insan menjadi penyayang, penderma, ahli pengorbanan harta dan juga pengorban nyawa dikalangan frontliners sebagai ***mujahidin*** dan ***syuhada'*** abad ke 21.

Sekian, terima kasih.